

WAKTU SOLAT MALAYSIA

Kuala Lumpur

Selamat Berbuka Puasa dengan Coffee BROWN

01:08 PM 10 Mei 2021, Isnin 28 Ramadhan, 1442

Imsak 05:41 AM

Subuh 05:51 AM

Zohor 13:13 PM

Asar 16:33 PM

Maghrib 19:20 PM

Isyak 20:33 PM

Belum terima maklumat penangguhan ibadah haji

SamadiAhmad

am@hmetro.com.my



ZULKIFLI bersama Ketua Pegawai Eksekutif, Yayasan Waqaf Malaysia, Prof Madya Dr Amir Shaharuddin (kanan) dan Ketua Pegawai Eksekutif, Maybank Asset Management Sdn Bhd, Ahmad Najib Nazlan ketika Pelancaran Kerjasama Yayasan Waqaf Malaysia dan Maybank Asset Management Sdn Bhd. FOTO Mohd Fadli Hamzah.

Putrajaya: Kerajaan belum menerima sebarang maklumat daripada Kerajaan Arab Saudi berhubung keputusan larangan jemaah luar negara mengerjakan ibadah haji bagi tahun ini.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama), Datuk Dr Zulkifli Mohamad Al-Bakri berkata, pihaknya akan cuba mendapatkan maklumat berhubung perkara itu daripada kerajaan Arab Saudi.

Katanya, beliau juga tidak dapat menjangkakan berapa lama keputusan itu akan diperolehi dan ia bergantung kepada kerajaan Arab Saudi.


"Insyallah saya akan dapatkan keputusan itu dan umumkan dalam masa terdekat," katanya kepada pemberita selepas melancarkan Majlis Pelancaran Produk Dana Maybank Mixed Assets-I Waqaf kerjasama antara Yayasan Waqaf Malaysia (YWM) dan Maybank Asset Management Sdn Bhd di Kompleks Islam Putrajaya di sini, hari ini.

Turut hadir, Pengerusi Kumpulan Maybank Asset Management dan Maybank Asset Management Sdn Bhd, Datuk Idris Kechot dan Ketua

Trending



[Polis siasat video ingkar SOP](#)



[Fiza cerai kali ketiga](#)



[Mayat mangsa Covid-19 tahun lalu masih dalam treler](#)



[Keluarga reda, harap pelaku dikenakan tindakan setimpal](#)



[Ambil pengajaran kejadian di sini, pesan pelajar Malaysia di India](#)

Mutakhir



[Covid-19: Polis KL tingkatkan operasi pematuhan](#)



[Pulau Pinang benar solat tarawih, Aidilfitri di kawasan PKP, PKPB](#)



[Mayat wanita terbakar: 'Kami yakin siasatan polis, kenal pasti pembunuh'](#)



[Kilang sarung tangan dikompaun, diarah henti operasi](#)



['Ramai tak percaya saya yang buat songkok'](#)



[Polis siasat video ingkar SOP](#)

Pengarah Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim), Datuk Abd Aziz Jusoh.

Dana Maybank Mixed Assets-I Waqaf adalah produk pelaburan dana Islam runcit patuh syariah pertama ditawarkan Maybank Asset Management Sdn Bhd manakala dana waqaf tunai yang keempat diuruskan YWM.

Media baru-baru ini melaporkan kerajaan Arab Saudi sedang mempertimbangkan untuk melarang jemaah haji luar negara mengerjakan haji tahun ini berdasarkan kemunculan varian baharu Covid -19 di peringkat global dan mengundang kegusaran kerajaan negara itu untuk membuka pintu masuk kepada jemaah luar negara.

Sementara itu, Zulkifli berkata, kerajaan komited dalam memperkasakan pengurusan waqaf dengan memberi penekanan terhadap peranan waqaf sebagai sebahagian daripada agenda inklusif kerajaan melalui kerjasama YWM dengan agensi Kerajaan Persekutuan, syarikat berkaitan dengan agensi Kerajaan Persekutuan, syarikat berkaitan kerajaan (GLC) dan syarikat pelaburan berkaitan kerajaan (GLIC).

Katanya, dengan wujudnya pelbagai kerjasama dalam memperkasa waqaf, tidak mustahil suatu hari nanti waqaf boleh dijadikan sebagai sektor ketiga negara yang menjadi pelengkap kepada sektor awam dan swasta.

Dalam perkembangan lain, Zulkifli menafikan dakwaan warga net bahawa beliau tidak menumpukan kepada kerja pentadbiran agama Islam sebaliknya menjalankan kerja kebajikan, selain menyifatkannya sebagai tidak berasas.

Menurutnya, beliau masih menghadiri mesyuarat kementeriannya setiap hari dan pihak terbabit boleh merujuk kepada jadual hariannya.

Katanya, pihaknya juga mempertingkatkan pentadbiran di kementeriannya termasuk menyelesaikan banyak masalah berhubung pelbagai perkara.

Disiarkan pada: Mei 7, 2021 @ 2:04pm

Artikel Berkaitan



MUTAKHIR

Ibadah haji: Kerajaan tunggu keputusan Arab Saudi [METROTV]



UTAMA

Ibadat haji tahun ini ditangguhkan [METROTV]



MUTAKHIR

Bincang SOP haji, umrah dengan



GLOBAL

70 peratus jemaah haji tahun ini

MyResipi



Kobis Goreng Ala Masakan India, Jom Cuba Resepi Gobi Manchurian Sedap & #8216;Crispy’



Resepi Mee Hailam Urat Keting, Kuah Pekat & #8216;Rasa Memang & #8216;Kaw’!



Raya Dah Nak Dekat? Jom Buat Ketupat Lemak Manis Versi Kelantan Memang Sedap Do’oh!



Lemak & #8216;Juicy, Ini Resepi Udang Panggang Garlic Butter!



Resepi Ringkas & #8216;Lazat, Jom Cuba Ayam Goreng Lubnan Dengan Toun!